

ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN MELAKA BIL.3/2020

PENYELARASAN PEMBAYARAN CUKAI TANAH DAN PETAK - TERIMAAN KAUNTER DI SETIAP PEJABAT DAERAH DAN TANAH SELURUH NEGERI MELAKA

TUJUAN

Arahan ini dikeluarkan bertujuan untuk memberi panduan kepada semua Pentadbir Tanah Negeri Melaka mengenai kaedah penyelarasan pembayaran cukai tanah dan cukai petak bagi terimaan kaunter di setiap Pejabat Daerah dan Tanah seluruh Negeri Melaka.

LATAR BELAKANG

Mengikut Seksyen 94 (2) Kanun Tanah Negara 1965, cukai tanah yang perlu dibayar berkenaan mana-mana tahun kalender hendaklah dibayar sepenuhnya pada hari pertama tahun itu dan, jika tidak dibayar lebih awal hendaklah dianggap menjadi tunggakan pada hari pertama bulan Jun tahun tersebut.

Di bawah Seksyen 16 Kanun Tanah Negara 1965, Pengarah Tanah dan Galian Negeri adalah berkuasa, bagi Pihak Berkuasa Negeri, untuk memula, mendakwa dan menjalankan apa-apa tindakan, guaman atau lain-lain prosiding atas nama jawatannya mengenai:

- (d) mendapatkan kembali apa-apa item hasil tanah, atau apa-apa ansuran darinya;
- (e) mendapatkan kembali apa-apa denda, atau penguatkuasaan apa-apa penalti, di bawah Akta ini.

KAEDAH PELAKSANAAN

Kaedah penyelarasan pembayaran cukai tanah dan petak bagi terimaan kaunter di setiap Pejabat Daerah dan Tanah seluruh Negeri Melaka adalah seperti berikut:

- (a) cukai tanah atau petak yang hendak dibayar kepada Pihak Berkuasa Negeri perlu dijelaskan **secara sepenuhnya** iaitu bersekali dengan **tunggakan** dan **denda lewat** yang terhutang sekiranya ada;
- (b) bagi kes-kes permohonan pengecualian atau pengurangan, pemohon hendaklah menjelaskan keseluruhan cukai tanah dan tunggakan cukai tanah termasuk denda lewat terlebih dahulu sekiranya ada. Jumlah pengecualian atau pengurangan yang diluluskan akan dibawa ke hadapan (KREDIT) ke dalam cukai tanah bagi tahun berikutnya; dan

(c) sebarang kelonggaran syarat atau kaedah bayaran hendaklah dirujuk terlebih dahulu kepada Pengarah Tanah dan Galian untuk pertimbangan.

TARIKH KUATKUASA

Arahan ini hendaklah dipatuhi dan berkuatkuasa serta-merta.


(DATUK ZAIDI BIN JOHARI)
Pengarah Tanah dan Galian
Melaka

Tarikh : **28** JANUARI 2020
Rujukan : PTGM.HS.800/4/2/4(a)